

ANALISIS PARTIKEL MA (مَا) DALAM AL-QURAN

Rohaida Idris

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia

Tel: +6017-4142236 E-mel: rohaida@usm.my

ABSTRAK

Al-Quran menggunakan bahasa Arab *Fusha* dalam kesemua tema dan aspek tatabahasanya. *Ma* merupakan salah satu partikel dalam bahasa Arab. Dalam bahasa Arab, terdapat pelbagai makna fungsi *Ma*. Para pelajar sentiasa keliru dan salah faham tentang fungsi *Ma*. Objektif kajian ialah untuk menghuraikan secara terperinci makna *Ma* dalam al-Quran. Pengkaji menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Proses penggumpulan data ialah kajian dokumen. Dapatan kajian ialah terdapat 7 fungsi *Ma* dalam Al-Quran iaitu Kata Nafi (*Harf Nafi*), Huruf Masdariyyah (*Harf Masdariyy*), Huruf Zaidah, Fiil Taajub, Isim Syart, Kata Hubung (*Isim Mausul*) dan Kata Tanya (*Huruf Istifhamiyyah*). Terdapat banyak contoh ayat al-Quran yang melambangkan kesemua makna *Ma* tersebut. Justeru, para pelajar bahasa Arab dan pengkaji al-Quran perlu memahirkan diri dengan ilmu tatabahasa bahasa Arab untuk memahami al-Quran dengan lebih baik. Seterusnya, pengkaji-pengkaji lain boleh juga menfokuskan hanya satu fungsi *Ma* sahaja.

Kata kunci: *Ma*, makna *Ma*, contoh ayat Al-Quran.

1. Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Agama Islam adalah sebuah agama yang tidak terhad kepada satu bangsa sahaja bahkan ia merangkumi seluruh umat manusia. Justeru, dalam menyampaikan ajaran Islam kepada bangsa-bangsa yang berlainan, ulamak Islam telah menterjemahkan al-Quran kepada pelbagai bahasa dan salah satunya adalah bahasa Malaysia.

Bahasa Arab (BA) ialah salah satu bahasa Semitik daripada keluarga Afroasia. Ia juga dikenali sebagai bahasa kuno. Ia ialah antea bahasa tertua di dunia. Ia dituturkan oleh hampir 250 juta rakyat di seluruh dunia Arab dan negara bukan Arab. Ia merupakan antara 6 bahasa rasmi yang digunakan dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). BA ialah bahasa Al-Quran, akhirat, syurga, kubur dan bahasa ilmu agama Islam. Ini bermakna Al-Quran diturunkan dalam BA.

Allah S.W.T berfirman:

﴿إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾ (سورة الزخرف: ٣)

Terjemahan: Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.

Dalam usaha seseorang penterjemah untuk menterjemahkan makna al-Quran, penterjemah harus melakukan pemilihan pendapat dalam kalangan pentafsir yang terdahulu berdasarkan kepada pelbagai perkara. Antara pemilihan yang perlu dilakukan juga adalah pemilihan makna kepada partikel yang digunakan dalam menjelaskan maksud al-Quran.

Perkataan *Ma* dalam bahasa Arab adalah salah satu kategori partikel atau huruf dalam bahasa Arab. Ia mempunyai pelbagai maksud. Ia juga dikategorikan sebagai *Huruf Ma'ani* iaitu huruf yang mempunyai maknanya yang tersendiri.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti:

1.2.1. fungsi *Ma* dalam Al-Quran

1.2.2 contoh ayat Al-Quran yang mempunyai perkataan *Ma*

1.3 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada tujuh makna *Ma* sahaja iaitu Kata Nafi (*Harf Nafi*), Huruf Masdariyyah (*Harf Masdariyy*), Huruf Zaidah, Fiil Taajub, *Isim Syart*, Kata Hubung (*Isim Mausul*) dan Kata Tanya (*Huruf Istifhamiyyah*).

2. Kajian Literatur

2.1 Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian lepas yang dijalankan mengenai partikel ini. Antaranya kajian yang bertajuk Tahlil Maa'ni "Ma" Fi Surah Al- Maidah yang ditulis oleh Halilu Rahman. Hasil kajian ini ialah *Ma* mempunyai 2 fungsi iaitu *Ismiyyah* dan *Harfiyyah*. *Ismiyyah* pula terdiri daripada *Isim Istifham*, *Isim Syart*, *Isim Mausul* dan *Isim Taa'jub*.

Kajian lepas yang kedua ialah *Dirosah Nahwiyyah 'An Harf 'Ma' Fi Surah An-Naml Wa Muzawalatuha Fi Tadribit Tarjamah* oleh Yuni Herdiyanti. Beliau mendapati *Ma* dibahagikan kepada dua kategori iaitu *Ismiyyah* dan *Harfiyyah*. *Ismiyyah* pula terdiri daripada *Mausulah*, *Nakiroh*, *Syartiyyah* dan *Istifhamiyyah*.

Kajian seterusnya bertajuk Makna Gramatikal Huruf Mā (ﻡ) Dalam Surah Al-Baqarah yang dijalankan oleh Berti Arsyad. (2020). Dapatan kajiannya ialah Huruf Mā memiliki makna yang beragam di antaranya adalah Mā yang bermakna Istifhām (pertanyaan), Mā yang bermakna al-Nafi (negasi yang bermakna tidak dan bukan), Mā yang bermakna al-Maushūl (kata sambung yang bermakna yang dan sesuatu) dan Mā Syart (syarat yang bermakna jika). dalam kajian sintaksis Bahasa Arab huruf Mā dibagi atas tiga kategori; yaitu Mā al-Ism, Mā al-Ḥarf dan Mā berserta Fi'ilnya.

3. Metodologi kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kualitatif. Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif iaitu suatu pendekatan yang berusaha memahami situasi dalam keadaannya sendiri. John(1999), matlamat utama penyelidikan kualitatif adalah untuk mendedahkan dan memberikan gambaran yang jelas tentang kepentingan sesuatu benda kepada manusia. Menurut Marohaini (2001) dalam Denzin & Lincoln (1994) kegagalan kaedah penyiasatan lain untuk menyiasat dengan mendalam tentang kerumitan sesuatu masalah yang dikaji yang menyumbang ke arah pemilihan kaedah kualitatif.

Penulis menggunakan teknik analisis dokumen iaitu mengkaji ayat-ayat Al-Quran yang mempunyai perkataan *Ma* dan mengkategorikannya berdasarkan terjemahannya. Dua data utama iaitu data primer berupa perkataan *Ma* dalam Al-Quran, sementara data sekundernya ialah makna huruf *Ma* dalam Al-Quran.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Setelah dibuat penelitian, pengkaji mendapati partikel *Ma* mempunyai banyak makna, akan tetapi mengkaji hanya 7 makna sahaja dalam Al-Quran. Makna tersebut ialah Kata Nafi (*Harf Nafi*), Huruf

Masdariyyah (*Harf Masdariyy*), Huruf Zaidah, Fiil Taajub, *Isim Syart*, Kata Hubung (*Isim Mausul*) dan Kata Tanya (*Huruf Istifhamiyyah*).

4.1 Kata Nafi (*Harf Nafi*)

Contoh:

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعَ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ ۗ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَىٰ اللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ﴾ (سورة البقرة: ١٤٣)

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman).

﴿مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَهٍ إِذًا لَذَهَبَ كُلُّ إِلَهٍ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَّ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُصِفُونَ﴾ (سورة المؤمنون: ٩١)

Allah tidak sekali-kali mempunyai anak, dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan bersamaNya; (kalaulah ada banyak tuhan) tentulah tiap-tiap tuhan itu akan menguasai dan menguruskan segala yang diciptakannya dengan bersendirian, dan tentulah setengahnya akan bertindak mengalahkan setengahnya yang lain. Maha Suci Allah dari apa yang dikatakan oleh mereka (yang musyrik) itu.

﴿وَيَجْلِفُونَ بِاللَّهِ إِيَّاهُمْ لِمَنْكُم وَمَا هُمْ بِمِنكُمْ وَلَكِنَّهُمْ قَوْمٌ يَفْرُقُونَ﴾ (سورة التوبة: ٥٦)

Dan mereka (yang munafik itu) bersumpah dengan nama Allah bahawa sesungguhnya mereka dari golongan kamu, padahal mereka bukanlah dari golongan kamu, tetapi mereka ialah suatu kaum yang pengecut.

﴿يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يُخَادِعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ﴾ (سورة البقرة: ٩)

Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka tidak memperdaya kecuali diri mereka sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya.

﴿مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّن قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا ۗ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ﴾ (سورة الحديد: ٢٢)

Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.

ثُمَّ فَفَّيْنَا عَلَىٰ آثَارِهِم بِرُسُلِنَا وَقَفَّيْنَا بِعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ وَءَاتَيْنَاهُ الْإِنجِيلَ وَجَعَلْنَا فِي قُلُوبِ الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ رَأْفَةً وَرَحْمَةً ۗ وَرَهْبَانِيََّةً ابْتَدَعُوهَا مَا كَتَبْنَاهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا ابْتِغَاءَ رِضْوَانِ اللَّهِ فَمَا رَعَوْهَا حَقَّ رِعَايَتِهَا ۗ فَآتَيْنَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْهُمْ أَجْرَهُمْ ۗ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَسُقُونَ ﴿سورة الحديد: ٢٧﴾

Kemudian Kami iringi sesudah mereka: Rasul-rasul Kami silih berganti, dan Kami iringi lagi dengan Nabi Isa ibni Maryam, serta Kami berikan kepadanya: Kitab Injil; dan Kami jadikan dalam hati orang-orang yang mengikutnya perasaan belas kasihan (sesama sendiri). Dan (perbuatan mereka beribadat secara) "Rahbaniyyah" merekalah sahaja yang mengadakan dan merekanya; Kami tidak mewajibkannya atas mereka; (mereka berbuat demikian) kerana mencari keredaan Allah; dalam pada itu mereka tidak menjaga dan memeliharanya menurut yang sewajibnya. Oleh itu, orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad) di antara mereka, kami berikan pahalanya, dan (sebaliknya) banyak di antara mereka yang fasik - derhaka.

﴿أَمْنَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا ۗ أَلَيْسَ مَعَ اللَّهِ بَلٌ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ﴾ (سورة الحديد: ٦٠)

Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak!) bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid).

﴿وَمَا مِنْ غَائِبَةٍ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ﴾ (سورة النمل: ٧٥)

Dan tiada sesuatu perkara yang ghaib di langit dan di bumi, melainkan tertulis dalam Kitab yang terang nyata.

﴿وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمْ ءَايَاتِهِ فَتَعْرِفُونَهَا ۗ وَمَا رَبُّكَ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ﴾ (سورة النمل: ٩٣)

Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Segala puji tertentu bagi Allah (yang melimpahkan nikmat-nikmatNya yang tidak terhitung), Ia akan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya supaya kamu dapat mengetahuinya (dengan jelas nyata)"; dan Tuhanmu tidaklah lalai akan segala yang kamu lakukan.

﴿أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا ۗ مَا بِصَاحِبِهِمْ مِّنْ جِنَّةٍ ۗ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ﴾ (سورة الأعراف: ١٨٤)

Patutkah mereka (ingkar dan) tidak mahu memikirkan (dengan fikiran yang siuman bahawa) sahabat mereka (Muhammad) tidak sekali-kali mengidap penyakit gila (sebagaimana yang mereka tuduh itu), bahkan ia hanyalah seorang (Pesuruh Allah) yang memberi amaran yang jelas.

﴿وَإِذَا تُنْتَلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ لَّا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا أَتَيْتَ بِضُرٍّ غَيْرٍ هَذَا أَوْ بَدَّلَهُ ۚ قُلْ مَا يَكُونُ لِي أَن أُبَدَّلَهُ ۚ مِنْ تَلْقَائِ نَفْسِي ۚ إِنِ اتَّبَعِ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ ۚ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ﴾
(سورة يونس: ١٥)

Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang tidak menaruh ingatan menemui Kami (untuk menerima balasan): "Bawalah Quran yang lain daripada ini atau tukarkanlah dia ". Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak berhak menukarkannya dengan kemahuanku sendiri, aku hanya tetap menurut apa yang diwahyukan kepadaku sahaja. Sesungguhnya aku takut, - jika aku menderhaka kepada Tuhanku akan azab hari yang besar (soal jawabnya)".

﴿قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ ۚ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا ۚ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۚ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۚ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ۚ وَمَا اللَّهُ بِعَفِيفٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ﴾
(سورة البقرة: ١٤٤)

Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haraam (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa-apa yang mereka lakukan.

﴿مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَا أَمَرْتَنِي بِهِ ۚ أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ ۚ وَكُنْتُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا مَّا دُمْتُ فِيهِمْ ۚ فَلَمَّا تَوَفَّيْتَنِي كُنْتُ أَنْتَ الرَّقِيبَ عَلَيْهِمْ ۚ وَأَنْتَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ﴾ (سورة المائدة: ١١٧)

Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa-apa yang Engkau perintahkan kepadaku mengatakannya, iaitu: 'Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu ' dan adalah aku menjadi pengawas terhadap mereka (dengan membenarkan yang benar dan menyalahkan yang salah) selama aku berada dalam kalangan mereka; kemudian apabila Engkau sempurnakan tempohku, menjadilahkan Engkau sendiri yang mengawasi keadaan mereka, dan Engkau jualah yang menjadi Saksi atas tiap-tiap sesuatu.

﴿وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۚ مَا كَانَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ ۚ سُبْحَانَ اللَّهِ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾ (سورة القصص: ٦٨)

Dan Tuhanmu menciptakan apa-apa yang dirancangan berlakunya, dan Dia lah juga yang memilih (satu-satu dari makhlukNya untuk sesuatu tugas atau keutamaan dan kemuliaan); tidaklah layak dan tidaklah berhak bagi sesiapaupun memilih (selain dari pilihan Allah). Maha Suci Allah dan Maha Tinggilah keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan denganNya.

﴿أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَنْ فِي السَّمٰوٰتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ ۚ وَمَا يَتَّبِعِ الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ شُرَكَاءَ ۚ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ﴾ (سورة يونس: ٦٦)

Ingatlah! Sesungguhnya bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi dan bahawa mereka yang menyembah sesuatu yang lain Allah sebagai sekutuNya, mereka tidak menurut

(sesuatu keyakinan), mereka hanya menurut sangkaan semata-mata, dan mereka hanyalah orang-orang yang sentiasa berdusta.

4.2 Huruf Masdariyyah (*Harf Masdariyy*)

Contoh:

﴿وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا ءَامَنَ السُّفَهَاءُ ۗ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِن لَّا يَعْلَمُونَ﴾ (سورة البقرة: ١٣)

Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang itu telah beriman". Mereka menjawab: "Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu?" Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

﴿وَأَتَّبِعْ فِيمَا ءَاتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ﴾ (سورة القصص: ٧٧)

Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

﴿وَوَقَعَ الْقَوْلُ عَلَيْهِمْ بِمَا ظَلَمُوا فَهُمْ لَا يَنْطِقُونَ﴾ (سورة النمل: ٨٥)

Dan jatuhlah hukuman atas mereka (dengan azab) disebabkan kezaliman mereka (berlaku .kufur .ingkar), .lalu mereka diam membisu.

﴿وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصِنِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا﴾ (سورة مريم: ٣١)

Dan Ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup.

﴿لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ ۗ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ ۖ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّذَبِّحِينَ﴾ (سورة التوبة: ٢٥)

Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun; dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri.

﴿وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ﴾ (سورة الصافات: ٩٦)

Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!

4.3 Huruf Zaidah

Contoh:

﴿فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ﴾ (سورة آل عمران: ١٥٩)

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

﴿جُنْدٌ مَّا هُنَالِكَ مَهْزُومٌ مِنَ الْأَحْزَابِ﴾ (سورة ص : ١١)

(Sebenarnya mereka hanyalah) satu pasukan tentera dari kumpulan-kumpulan (yang menentang kebenaran), yang pada suatu masa kelak tetap akan dikalahkan.

﴿قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالِ نَعَجْتِكَ إِلَىٰ نِعَاجِهِ ۖ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْخُلَطَاءِ لَيَبْغِي بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ ۖ وَظَنَّ دَاوُدُ أَنَّمَا فَتَنَّاهُ فَاسْتَغْفَرَ رَبَّهُ ۖ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ﴾ (سورة ص : ٢٤)

Nabi Daud berkata: " Sesungguhnya ia telah berlaku zalim kepadamu dengan meminta kambingmu itu (sebagai tambahan) kepada kambing-kambingnya; dan sesungguhnya kebanyakan dari orang-orang yang bergaul dan berhubungan (dalam berbagai-bagai lapangan hidup), setengahnya berlaku zalim kepada setengahnya yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh; sedang mereka amatlah sedikit!" Dan Nabi Daud (setelah berfikir sejujur), mengetahui sebenarnya Kami telah mengujinya (dengan peristiwa itu), lalu ia memohon ampun kepada Tuhannya sambil merebahkan dirinya sujud, serta ia rujuk kembali (bertaubat).

4.4 Fiil Taajub

Contoh:

﴿قَتَلَ الْإِنْسَانُ مَا أَكْفَرَهُ﴾ (سورة عبس : ١٧)

Binasalah hendaknya manusia (yang ingkar) itu, betapa besar kekufurannya!

﴿أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ وَالْعَذَابَ بِالْمَغْفِرَةِ ۖ فَمَا أَصْبَرَهُمْ عَلَىٰ النَّارِ﴾ (سورة البقرة: ١٧٥)

Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (agama Allah), dan (membeli) azab seksa neraka dengan meninggalkan keampunan Tuhan. Maka sungguh ajaib kesanggupan mereka menanggung seksa api neraka itu!

4.5 Isim Syart

Contoh:

﴿مَا قَطَعْتُمْ مِّن لِّينَةٍ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَائِمَةً عَلَىٰ أُصُولِهَا فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيُخْرِجَ الْفَاسِقِينَ﴾ (سورة الحشر : ٥)

Mana-mana jua pohon kurma (kepunyaan musuh) yang kamu tebang atau kamu biarkan tegak berdiri seperti keadaannya yang asal, maka yang demikian adalah dengan izin Allah (kerana Ia hendak memberi kemenangan kepada orang-orang mukmin), dan kerana Ia hendak menimpakan kehinaan kepada orang-orang yang fasik.

﴿وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَن يُكْفَرُوهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ﴾ (سورة آل عمران : ١١٥)

Dan apa-apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang yang bertaqwa.

﴿قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ ۗ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا ۗ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۗ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ۗ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ۗ وَمَا اللَّهُ بِعَاقِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ﴾ (سورة البقرة : ١٤٤)

Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa-apa yang mereka lakukan.

﴿قُتِلَ الْإِنْسَانُ مَا أَكْفَرَهُ﴾ (سورة عبس : ١٧)

Binasalah hendaknya manusia (yang ingkar) itu, betapa besar kekufurannya!

4.6 Kata Hubung (Isim Mausul)

Contoh:

﴿وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُن فِي ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ﴾ (سورة النمل : ٧٠)

Dan janganlah engkau berdukacita terhadap (keingkaran) mereka (yang kafir itu,) dan janganlah engkau resah-gelisah disebabkan tipu daya yang mereka lakukan.

﴿وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ﴾ (سورة النمل : ٧٤)

Dan sesungguhnya Tuhanmu sedia mengetahui apa-apa yang terpendam dalam hati mereka dan apa-apa yang mereka nyatakan (dengan tutur kata dan perbuatan).

﴿وَتَرَى الْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ السَّحَابِ ۗ صُنِعَ اللَّهُ الَّذِي أَنْتَقَنَ كُلَّ شَيْءٍ ۗ إِنَّهُ حَبِيرٌ بِمَا تَفْعَلُونَ﴾ (سورة النمل : ٨٨)

Dan engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkannya tetap membeku, padahal ia bergerak cepat seperti Bergeraknya awan; (demikianlah) perbuatan Allah yang telah membuat tiap - tiap sesuatu dengan serapi-rapi dan sebaik-baiknya; sesungguhnya Dia Maha Mengetahui apa-apa yang kamu lakukan.

﴿وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ هَلْ يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾ (سورة النمل: ٩٠)

Dan sesiapa yang datang membawa amal jahat (yang telah dikerjakannya) maka sudah tentu mereka akan ditumuskan mukanya ke dalam api neraka, (sambil dikatakan kepada mereka): "Kamu tidak diberi melainkan balasan apa-apa yang kamu telah lakukan".

﴿وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ سِيرِكُمْ ءَايَاتِهِ فَتَعْرِفُونَهَا وَمَا رَبُّكَ بِغَفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ﴾ (سورة النمل: ٩٣)

Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Segala puji tertentu bagi Allah (yang melimpahkan nikmat-nikmatNya yang tidak terhitung), Ia akan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya supaya kamu dapat mengetahuinya (dengan jelas nyata)"; dan Tuhanmu tidaklah lalai akan segala apa-apa yang kamu lakukan.

﴿وَيَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَمْلِكُ لَهُمْ رِزْقًا مِّنَ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ شَيْئًا وَلَا يَسْتَطِيعُونَ﴾ (سورة النحل: ٧٣)

Dan mereka menyembah benda-benda yang lain dari Allah, yang tidak berkuasa memberikan mereka sebarang rezeki pemberian dari langit dan bumi, dan mereka pula tidak berdaya sama sekali mendapat kuasa itu.

﴿وَإِذَا تَتَلَوْا عَلَيْهِمْ ءَايَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا آتَتْ بِقُرْءَانٍ غَيْرِ هَذَا أَوْ بَدَّلَهُ ؕ قُلْ مَا يَكُونُ لِي

أَنْ أُبَدِّلَهُ ؕ مِنْ تَلْقَائِي نَفْسِي ؕ إِنْ أَتَّبَعِ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ ؕ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ﴾

(سورة يونس: ١٥)

Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas nyata, berkatalah orang-orang yang tidak menaruh ingatan menemui Kami (untuk menerima balasan): "Bawalah Quran yang lain daripada ini atau tukarkanlah dia ".Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak berhak menukarkannya dengan kemahuanku sendiri, aku hanya tetap menurut apa-apa yang diwahyukan kepadaku sahaja. Sesungguhnya aku takut, - jika aku menderhaka kepada Tuhanku, - akan azab hari yang besar (soal jawabnya)".

﴿قَدْ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا ؕ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ؕ وَحَيْثُ

مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوْهُكُمْ شَطْرَهُ ؕ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ؕ وَمَا اللَّهُ بِغَفِلٍ عَمَّا

يَعْمَلُونَ﴾ (سورة البقرة: ١٤٤)

Kerap kali Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadahkan ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling mengadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haraam (tempat letaknya Kaabah); dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah diberikan Kitab, mereka mengetahui bahawa perkara (berkiblat ke Kaabah) itu adalah perintah yang benar dari Tuhan mereka; dan Allah tidak sekali-kali lalai akan apa-apa yang mereka lakukan.

﴿مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَا أَمَرْتَنِي بِهِ أَنْ آعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ ۖ وَكُنْتُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا مَّا دُمْتُ فِيهِمْ ۗ فَلَمَّا تَوَفَّيْتَنِي كُنْتُ أَنْتَ الرَّقِيبَ عَلَيْهِمْ ۖ وَأَنْتَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ﴾ (سورة المائدة: ١١٧)

Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa-apa yang Engkau perintahkan kepadaku mengatakannya, iaitu: 'Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu' dan adalah aku menjadi pengawas terhadap mereka (dengan membenarkan yang benar dan menyalahkan yang salah) selama aku berada dalam kalangan mereka; kemudian apabila Engkau sempurnakan tempohku, menjadilah Engkau sendiri yang mengawasi keadaan mereka, dan Engkau jualah yang menjadi Saksi atas tiap-tiap sesuatu.

﴿لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ ۗ أَفَلَا يَشْكُرُونَ﴾ (سورة يس: ٣٥)

Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa-apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur?

﴿إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يُدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مِنْ شَيْءٍ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ﴾ (سورة العنكبوت: ٤٢)

Sesungguhnya Allah mengetahui (kepalsuan) apa-apa jua yang mereka sembah yang lain daripadaNya, dan Allah jualah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

﴿وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَيَخْتَارُ ۗ مَا كَانَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ ۗ سُبْحَانَ اللَّهِ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾ (سورة القصص: ٦٨)

Dan Tuhanmu menciptakan apa-apa yang dirancangan berlakunya, dan Dia lah juga yang memilih (satu-satu dari makhlukNya untuk sesuatu tugas atau keutamaan dan kemuliaan); tidaklah layak dan tidaklah berhak bagi sesiapaupun memilih (selain dari pilihan Allah). Maha Suci Allah dan Maha Tinggilah keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan denganNya.

﴿قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّي ۗ عَلَيْكُمْ ۗ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۗ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۗ وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ ۗ مِنْ إِمْلَاقٍ ۗ وَلَا تَزْنُوا ۗ زِنًا ۗ فَتَرْبُوا أَلْفُوحِشَ ۗ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ۗ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ ۗ إِلَّا بِالْحَقِّ ۗ ذَلِكُمْ وَصَّاكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾ (سورة الأنعام: ١٥١)

Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa-apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.

4.7 Kata Tanya (Huruf Istifhamiyyah)

Contoh:

﴿قُلْ هَلْ مِنْ شُرَكَائِكُمْ مَنْ يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ ۗ قُلْ اللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ ۗ أَفَمَنْ يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ أَحَقُّ أَنْ يُتَّبَعَ أَمْ لَا يَهْدِي إِلَّا أَنْ يُهْدَىٰ ۗ فَمَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ﴾ (سورة يونس: ٣٥)

Bertanyalah (wahai Muhammad): "Adakah di antara makhluk-makhluk: yang kamu sekutukan dengan Tuhan itu, sesiapa yang dengan memberi petunjuk kepada kebenaran? "Katakanlah: "Allah jualah yang memberi hidayah petunjuk kepada kebenaran; (kalau sudah demikian) maka adakah yang dapat memberi hidayah petunjuk kepada kebenaran itu, lebih berhak diturut, ataupun yang tidak dapat memberi sebarang petunjuk melainkan sesudah ia diberi hidayah petunjuk? Maka apakah alasan sikap kamu itu? Bagaimana kamu sanggup mengambil keputusan (dengan perkara yang salah, yang tidak dapat diterima oleh akal)?

﴿أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ﴾ (سورة البقرة: ١٣٣)

Demikianlah wasiat Nabi Yaakub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi)! Kamu tidak hadir ketika Nabi Yaakub hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati?" Mereka menjawab: "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak, iaitu Tuhan yang Maha Esa, dan kepada Nyalah sahaja kami berserah diri (dengan penuh iman).

﴿إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَا تَعْبُدُونَ﴾ (سورة الشعراء: ٧٠)

Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Apakah yang kamu sembah?"

﴿الْحَاقَّةُ (١) مَا الْحَاقَّةُ (٢) وَمَا أُذْرِكُ مَا الْحَاقَّةُ (٣)﴾ (سورة الحاقة: ١ - ٣)

Saat yang tetap berlaku itu (1) Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? (2) Dan adakah engkau dapat mengetahui tentang sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu? (Saat itu ialah hari kiamat)

﴿عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ﴾ (سورة النبأ: ١)

Tentang apakah mereka bertanya-tanya?

﴿وَأَسْتَبَقُوا الْبَابَ وَقَدَّتْ قَمِيصَهُ مِنْ دُبُرٍ وَأَلْفَيَا سَيِّدَهَا لَدَا الْبَابِ ۗ قَالَتْ مَا جَزَاءُ مَنْ أَرَادَ بِأَهْلِكَ سُوءًا إِلَّا أَنْ يُسْجَنَ أَوْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾ (سورة يوسف: ٢٥)

Dan mereka berdua pun berkejaran ke pintu, serta perempuan itu mengoyakkan baju Yusuf dari belakang; lalu terserempaklah keduanya dengan suami perempuan itu di muka pintu. Tiba-tiba perempuan itu berkata (kepada suaminya): "Tidak adakah balasan bagi orang yang mahu membuat jahat terhadap isterimu melainkan dipenjarakan dia atau dikenakan azab yang menyiksanya".

5. Kesimpulan

Kepelbagaian makna *Ma* menzahirkan perbezaan dalam memahami ayat al-Qur'an. Semua pihak perlu berganding bahu untuk menerapkan pemahaman makna kepada perkataan tersebut. Para pengkaji bahasa Arab harus meneruskan kajian dalam *Huruf Maani* agar para pelajar bahasa Arab dan Muslim tidak keliru tentang fungsi semua perkataan tersebut.

6. Rujukan

- Ahmad Miftahuddin & Singgih Kuswardono. (2023). Analisis Sintaksis Partikel Dalam Al Quran. [Online]: <https://journal.unnes.ac.id/sju/laa/article/view/75717>. (akses pada 14 April, 2024).
- Berti Arsyad. (2020). Makna Gramatikal Huruf Mā (ﻡ) Dalam Surah Al-Baqarah. [Online]: http://prosiding.arab-um.com/index.php/konasbara/article/view/732_ (akses pada 14 April, 2024).
- Halilu Rahman. (2015). *Tahlil Maa'ni 'Ma' Fi Surah Al-Maidah*. [Online]: <https://idr.uin-antasari.ac.id/13282/1/TahlilMaFiSurahAlMaidah.pdf>. (akses pada 14 April, 2024).
- Mohd Fahimi Zakaria. (2021). Kaedah Terjemahan Kata Kerja Dalam Al Quran: Analisis Surah Al-Baqarah Dalam Tafsir Nur Al-Ihsan. [Online]: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/47139/1/47139.pdf>. (akses pada 14 April, 2024).
- Mohd Shahrizal bin Nasir & Kamarul Shukri bin Mat Teh. (2017). Terjemahan Kata Sendi Min Bagi Beberapa Ayat Surah Al-Baqarah Dalam Al-Quran Al-Karim Mushaf Tajwid. [Online]: <https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/qwefqwefq/article/view/59>. (akses pada 14 April, 2024).
- Nor Azhan Norul Azmi & Normah Husin. . (2017). Analisis Kepelbagaian Fungsi Dan Makna Kata Partikel. [Online]: <https://conference.uis.edu.my/irsyad/images/e proceeding/2017/1083.pdf>. (akses pada 14 April, 2024).
- Sheikh Mohammed Fahem Abou 'Oubayya. (1997). *A Dictionary Of Grammatical Analysis Of The Holy Qur-an*. (1st ed.). Lubnan:Beirut.
- Yuni Herdiyanti. (2022). *Dirosah Nahwiyyah 'An Harf 'Ma' Fi Surah An-Naml Wa Muzawalatuha Fi Tadribit Tarjamah*. [Online]: http://etheses.iainponorogo.ac.id/id/eprint/22153_ (akses pada 14 April, 2024).